

Budak 11 tahun jadi mangsa perkosa jiran

SANDAKAN: Seorang budak perempuan berusia 11 tahun menjadi mangsa rogol seorang 'jiran setan' apabila dilarikan lelaki berkenaan ketika dalam perjalanan ke rumahnya, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam itu, murid tahun lima sebuah sekolah di sini, dikatakan pergi menonton televisyen di rumah bapa saudaranya yang

bersebelahan rumah suspek.

Sebaik melihat mangsa berjalan pulang seorang diri, suspek berusia 25 tahun itu mengekorinya sebelum mencekup muka mangsa dengan tuala sehingga pengsan.

Lelaki gila seks berkenaan kemudiannya mengheret mangsa masuk ke dalam rumahnya untuk melakukan perbuatan terkutuk ke atas

anak jirannya sendiri.

Bagaimanapun, niat suspek untuk memuaskan nafsu terbantut separuh jalan apabila mendengar nama mangsa dipanggil ibunya yang keluar mencari anaknya selepas hairan kanak-kanak itu masih belum sampai ke rumah.

Tersentak mendengar suara wanita itu, suspek kemudiannya mengenakan kembali pakaian mangsa

yang sudah dilucutkannya dan memanggil ibu mangsa sebelum berpura-pura mengatakan anak gadisnya itu sedang merajuk di dalam rumahnya.

Ibu mangsa yang curiga mendengar penjelasan itu bergegas memasuki rumah suspek sebelum mendapati anaknya berada di sebuah bilik dalam keadaan terbaring di atas katil dengan seluarnya terselak selain tidak

sedarkan diri dipercayai pengsan.

Bapa mangsa yang tiba kemudiannya cuba mencari suspek di halaman rumah tetapi lelaki terbabit sudah melarikan diri.

Keluarga mangsa kemudian membawanya ke hospital untuk rawatan dan hasil pemeriksaan mendapati terdapat kesan koyakan baru pada kemaluan mangsa.

Berang dengan perbuatan

jirannya, ibu mangsa kemudiannya membuat laporan polis berhubung kejadian itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sandakan, Asisten Komisioner Rosli Mohd Isa, mengesahkan kejadian itu dan siasatan sedang dijalankan.

"Suspek ditahan ketika berada di hospital dipercayai mahu memohon maaf atas perbuatannya itu.